



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ 104 ANAK-ANAK YATIM DAN 20 IBU TUNGGAL DIRAIKAN PADA MAJLIS BERBUKA PUASA UMK

104 ANAK-ANAK YATIM DAN 20 IBU TUNGGAL DIRAIKAN PADA MAJLIS BERBUKA PUASA UMK



KOTA BHARU 15 Ogos - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) meraikan 104 orang anak-anak yatim dan 20 ibu-ibu tunggal yang dijemput khas dari kawasan sekitar daerah Bachok, dalam Majlis Berbuka Puasa UMK 2012 di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK, Kampus Kota, Pengkalan Chepa, di sini, hari ini.

Pada majlis kali ini, UMK bekerjasama dengan pasaraya Mydin dan Al-Rajhi Bank menganjurkan majlis berbuka puasa sebagai salah satu tanggungjawab sosial bagi mengeratkan ukhwah dan tali - silaturahim sempena kehadiran bulan Ramadan Al - Mubarak.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, majlis ini diadakan bertujuan untuk menghulurkan sedikit bantuan dan sumbangan kepada anak-anak yang kurang bernasib baik dan ibu-ibu tunggal untuk menyambut kedatangan Syawal dengan lebih bermakna serta disambut dalam suasana ceria.

Beliau berkata, selain itu kesempatan ini juga bertujuan untuk membawa anak-anak-anak yang kurang bernasib baik melihat sendiri suasana kampus dan bertemu dengan warga UMK terutamanya untuk berkongsi pengalaman belajar di menara gading supaya menjadi motivasi untuk melangkah kaki belajar di institusi pengajian tinggi suatu hari kelak.

"Saya juga percaya bahawa jika kita semua menjalankan tanggungjawab sosial kita, terutamanya kepada golongan yang memerlukan seperti ini, kita dapat membantu mereka untuk meralisasikan impian mereka serta membentuk mereka menjadi insan yang berguna bukan sahaja untuk kemajuan diri sendiri tetapi juga untuk masyarakat dan negara amnya," katanya.

Menurut Prof. Dr. Raduan, sebagai umat Islam, kita seharusnya mengamalkan sikap untuk saling bantu-membantu sesama umat bukan sahaja di bulan Ramadan tetapi sepanjang masa untuk meningkatkan lagi tali persaudaraan dan rasa saling sayang-menyayangi antara kita sesama manusia.

"Bagi mengimarahkan Ramadhan tahun ini, pelbagai program lhya' Ramadhan di peringkat universiti telah diatur melibatkan semua warga universiti iaitu staf dan pelajar seperti program tadarus Al-Quran, kuliah Zohor, gotong-royong Memasak bubur lambuk, ceramah Nuzul Al-Quran & Badar Kubra, majlis Khatam Quran, kaunter kutipan zakat fitrah dan majlis berbuka puasa bersama masyarakat," jelasnya.



Sempena program itu, anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal turut dibawa membeli-belah di pasaraya Mydin Kubang Kerian untuk membeli pakaian dan kasut raya bernilai RM100 untuk persiapan Aidilfitri. Seramai 30 staf UMK dan pasaraya Mydin menjadi sukarelawan, menemani setiap seorang anak-anak yatim.

Dalam pada itu, majlis tersebut turut diserikan dengan slot Bicara Ramadhan bersama Selebriti oleh Encik Shamril Mohd Salleh atau Sham Kamikaze dan persembahan nasyid daripada kumpulan Inteam.



Bilangan Pelawat :
297672

[Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Soalan Lazim](#)

[Hubungi Kami](#)

[Bantuan](#)

[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.